

Pertandingan Fotografi Hari Malaysia 2021 “COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian”

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pengenalan :
Sempena sambutan Hari Malaysia, Dong Zong dan Persatuan Fotografi Selangor Dan Kuala Lumpur akan menganjur pertandingan fotografi dengan tema “COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian”. Kami berharap pertandingan ini dapat menggalakkan khalayak ramai menyanjung dan memahami keindahan sifat kepelbagaian kaum dan budaya.
2. Tujuan :
 - 2.1. Meningkatkan nilai kepelbagaian budaya, hormat-menghormati serta toleransi di kalangan masyarakat.
 - 2.2. Mengekalkan simbolik kepelbagaian etnik dan budaya negara Malaysia.
3. Penganjur : Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)
4. Dengan Kerjasama : Persatuan Fotografi Selangor Dan Kuala Lumpur
5. Penaja : Canon, Thinktank, Kodak
6. Kerjasama Media : Sin Chew Daily
7. Kelayakan :
 - 7.1. Terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara berumur 23 dan ke bawah.
 - 7.2. Staf penganjur utama, ahli persatuan pengajur bersama serta ahli keluarga adalah dilarang sama sekali daripada menyertai pertandingan ini.
 - 7.3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak gambar penyertaan tetapi hanya layak memenangi 1 hadiah sahaja.
8. Tema :
Menggambarkan kepelbagaian budaya dan integrasi kaum di Malaysia, menunjukkan interaksi pelbagai kumpulan kaum, terutama dalam tempoh COVID-19, serta mempamerkan semangat “COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian”. Semua karya penyertaan mestilah asli.

9. Hadiah :

- 9.1. Johan: Wang Tunai RM800 + Canon EOS 3000D with 18-55mm Bernilai RM1749
- 9.2. Naib Johan: Wang Tunai M500 + Canon SX620HS Bernilai RM1129
- 9.3. Ketiga: Wang Tunai RM300 + Canon Selphy CP1300 Bernilai RM589
- 9.4. Cemerlang (x 10) : Wang Tunai RM100 + Thinktank Photo Memory Card Pouch Bernilai RM108
- 9.5. Saguhati (x 20) : Wang Tunai RM50 + Kodak Camera Bernilai RM 99
- 9.6. Semua peserta yang layak akan mendapat sijil penyertaan.

10. Tarikh Tutup Penyertaan :

Semua borang penyertaan perlu lengkap diisi. Gambar mesti sampai kepada penganjur utama sebelum atau pada **11 September 2021** (Sabtu). Penyertaan yang dihantar selepas dari tarikh tutup penyertaan tidak akan dilayan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan yang berlaku semasa dalam perjalanan.

11. Cara Penyertaan :

11.1. Lengkapkan borang penyertaan di Google Form (<https://forms.gle/FivF841nUgTpBeQXA>) dan muat naik karya dalam format JPEG dengan saiz gambar yang tidak kurang daripada 4MB.

11.2. Gambar berwarna dengan ukuran 8" x 12" perlu dipos atau dihantar ke alamat:

Pertandingan Fotografi Hari Malaysia 2021 "COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian"
Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang, Selangor

11.3. Karya peserta perlu lengkapkan kedua-dua proses muat naik dan pos atau hantar.

11.4. Jika peserta memerlukan bantuan cuci gambar, proses dan kedai kerjasama adalah seperti berikut:

11.4.1. Deposit berdasarkan bilangan gambar yang perlu dicuci (RM4 setiap gambar).

11.4.2. E-mel butiran kepada kedai kerjasama seperti berikut:

11.4.2.1. Tajuk: Pertandingan Fotografi Hari Malaysia 2021 "COVID-19: Menyanjung Kepelbagaian"

11.4.2.2. No. Telefon

11.4.2.3. Bilangan gambar yang dimuat naik

11.4.2.4. Muat naik gambar

11.4.2.5. Bukti deposit

No	Kedai Kerjasama	Telefon / E-mel	Akaun Bank
1	YS Photo Studio & Color Processing Sdn Bhd SS2, Petaling Jaya	Jeffery Sek: 019 3335605 info@ysphoto.com.my	Maybank 5622-3667-6566

2	Fotorex Holdings Sdn Bhd Kuala Lumpur	Mr. Tan: 019-226 3787 fotorex68@gmail.com	PBB 3117956629
3	Quick Foto 16-G, Jalan Prima 5, Pusat Niaga Metro Prima 52100 Kuala Lumpur	quickfototrading@gmail.com	Maybank 514012019719
4	YL Camera Lot G027-027B, Ground Floor Plaza Lowyat, No.7 Jalan Bintang, Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.	proshoplyg1@gmail.com	Maybank 5140 4883 0100 Payee: YL Camera Services Sdn Bhd

12. Harta Intelek :

- 12.1. Semua gambar penyertaan mestilah karya yang tidak pernah disiarkan atau diterbitkan.
- 12.2. Peserta bertanggungjawab mendapatkan kebenaran penggunaan gambar daripada semua individu yang terlibat atau muncul dalam gambar yang dipertandingkan.
- 12.3. Sebarang tiruan atau gambar yang melanggar hak cipta adalah tidak dibenarkan sama sekali. Peserta perlu menanggung segala tanggungjawab sepenuhnya.
- 12.4. Semua karya penyertaan akan menjadi harta penganjur dan tidak akan dikembalikan.

13. Kriteria Penghakiman :

- 13.1. Semua gambar penyertaan mestilah asli tanpa elemen pengubahsuaian.
- 13.2. Panel hakim akan menilai berdasarkan mesej, tema, kreativiti, komposisi, warna, contrast dan pencahayaan gambar.
- 13.3. Pihak pengajur dan panel hakim berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati karya tidak mematuhi terma dan syarat pertandingan.
- 13.4. Keputusan panel hakim adalah muktamad dan tiada bantahan akan diterima.

14. Semua pemenang akan dihubungi selepas keputusan diumumkan.

15. Pihak penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini bila-bila masa, sekiranya perlu.

16. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Hal Ehwal Organisasi, Dong Zong di talian: 03-8736 2337 ext 291 (En. Yap), 011-31618328 (WhatsApp sahaja) atau E-mel: dzmemc@dongzong.my.

Seiring dengan Fasa pertama Pelan Pemulihan Negara, semua pekerja adalah bekerja dari rumah. Sebarang pertanyaan, sila emel dzmemc@dongzong.my